



TEKS UCAPAN

**YANG MULIA
AWANG HAJI ADNAN BIN HAJI ADAM
PEMANGKU PEGAWAI DAERAH TUTONG**

SELAKU TETAMU KEHORMAT

**DI MAJLIS PENGANUGERAHAN PENCAPAIAN
KECEMERLANGAN AKADEMIK BCGCE
PERINGKAT'O'/IGCSE 1436H/2015M**

**PADA:
HARI KHAMIS, 29 JAMADILAKHIR 1437H
BERSAMAAN 07 APRIL 2016**

**JAM:
8.00 PAGI**

**TEMPAT:
AUDITORIUM SEKOLAH MENENGAH SAYYIDINA OTHMAN,
TUTONG
CAWANGAN TUTONG**

HSH. NORHAYA

SIMPAN DLM FILE UCAPAN JDT/47/1974/18.

21
11/4/2016

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan Selamat Sejahtera

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, Wassalatu Wassalamu 'ala
Asyrafil Ambiaa Iwal-Mursalin, Sayyidina Wa Maulana
Muhammadin Wa-a'ala Aalihi Wa-Sahbihi Ajma'een.**

Yang Mulia Cikgu Hj Junainah binti Haji Abdul Rahman,
Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Othman, Tutong selaku
Pengerusi majlis.

Yang Mulia Pengetua-Pengetua Sekolah-sekolah Menengah
Kawasan Daerah Tutong.

Yang Mulia Ketua-Ketua Kampong.

Yang Mulia Guru-Guru, Para Iubapa dan penjaga pelajar,
Penuntut-Penuntut dan hadirian dan hadirat yang dihormati
sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah Subhanahu
Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita
dapat berkumpul beramai-ramai DI MAJLIS
PENGANUGERAHAN PENCAPAIAN KECEMERLANGAN
AKADEMIK BCGCE PERINGKAT 'O'/IGCSE 1436H/2015M pada
pagi ini.

Terlebih dahulu Peramba/saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Sekolah diatas kesudian menjemput Peramba/saya hadir selaku Tetamu Kehormat.

Insyallah Peramba/saya akan berucap secara ringkas sahaja.

Sukacita Peramba/saya mengucapkan tahniah kepada pihak sekolah kerana berjaya mengusahakan dan menjayakan majlis ini. Peramba/Saya difahamkan tujuan majlis hari ini diadakan ialah untuk memberikan pengiktirafan diatas kejayaan pelajar-pelajar sekolah ini dalam peperiksaan BCGCE O level dan IGCSE tahun 2015 dan diselajurkan dengan merakamkan penghargaan dan kesyukuran kepada guru-guru dan jabatan-jabatan yang telah menunjukkan peningkatan prestasi dalam penghasilan pembelajaran pelajar-pelajar sekolah ini.

Alhamdulillah, kejayaan para pelajar dalam peperiksaan tahun 2015 adalah hasil usaha sepadu dari berbagai pihak iaitu gabungan usaha antara usaha ikhlas dan komitment guru-guru, usaha gigih pelajar-pelajar serta sokongan padu para ibubapa dan penjaga para penuntut.

Dikesempatan ini diucapkan syabas dan tahniah atas kejayaan pelajar-pelajar dan dengan kejayaan yang dikecapi para pelajar hendaklah teruskan belajar dengan bersungguh-sungguh hingga ketahap yang lebih tinggi. Tanamkan lah pada diri pelajar masing-masing sikap rajin dan kuat berusaha dan memastikan diri

sentiasa terarah kejalan yang lurus dalam mencapai cita-cita dan kejaya demi masa depan yang cemerlang. Disamping itu para pelajar sentiasalah menghargai pengorbanan guru-guru dan para ibubapa serta penjaga juga keluarga yang sentiasa menyokong kearah kejayaan kamu. Kerajaan juga telah banyak membelanjakan keperluan penuntut-penuntut sekolah dengan percuma dan ini perlulah dihargai. Setentunya yang dikehendaki kerajaan ialah rakyatnya yang berpendidikan dan berkemahiran yang akan dapat menyumbang tenaga dan buah fikiran dalam memajukan Negara Brunei Darussalam.

Dalam hubungan itu, bagi pelajar-pelajar yang akan menduduki dan menghadapi peperiksaan yang tidak lama lagi untuk membuat perancangan dan persediaan awal bagi memastikan pelajar cukup bersedia.

Para pelajar tentu pernah mendengar ungkapan DUIT iaitu Doa, usaha, ikhtiar dan tawakkal yang boleh digunakan sebagai panduan.

Disamping usaha bersungguh-sungguh, jangan sekali kali lupa memohon doa kepada Allah agar dipermudahkan dan di berikan kejayaan. Pelbagai metodologi belajar sudah tercipta untuk kemudahan belajar apatah lagi dizaman cyber atau perhubungan dan maklumat yang cepat pada masakini. Itu lah ikhtiar namanya.

Dan apa pun ditakdirkan maka hendaklah berserah kepada Allah jua dengan redha bukannya berputus asa.

Marilah kita sama-sama bertekad untuk sepadu berusaha dengan gigih dan lutan dan dengan harapan dan doa agar akan lebih banyak lagi akan terhasil para ilmunan dan cendiakawan terdiri dari rakyat Negara ini bagi mendokong kerajaan mencapai Wawasan 2035. Dan ini selaras dengan motto sekolah ini Bersama mencapai kecemerlangan.....Together Achieving Excellence.

Akhirnya, Sebagai rakyat dan penduduk yang bernaung di Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini, sama-sama lah kitani mengamalkan kehidupan MIB Melayu Islam Beraja dan sentiasa mengamalkan nilai Islam iaitu sentiasa berzkir iaitu mengingati Allah dalam kehidupan kita setiap hari.

Dikesempatan ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Majlis dan pihak sekolah diatas kesudian menjemput saya dan berharap majlis yang seumpama ini akan menjadi pendorong dan inspirasi kepada pelajar-pelajar khususnya.

Sekian diucapkan terima kasih. Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.